



15 SEP, 2026

Terima 40 permohonan kembang pusat data

Harian Metro, Malaysia



Terima 40 permohonan kembang pusat data

Kuala Lumpur: Pasukan Petugas Pusat Data (DC-TF) telah menerima lebih daripada 40 permohonan untuk menubuhkan atau mengembangkan operasi pusat data di Malaysia tahun ini, mencerminkan minat pelaburan yang berterusan dalam industri infrastruktur digital negara.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata setiap cadangan dinilai bukan sahaja dari segi nilai pelaburannya, malah keperluan tenaga, air dan ketersambungan serta potensi sumbangannya terhadap aspirasi ekonomi dan digital jangka panjang Malaysia.

“Apabila skala dan kepantasan pelaburan meningkat, keutamaan kita juga mesti berkembang seiring dengan industri tersebut.

“Fasa seterusnya melibatkan hasil dibawa oleh kapasiti itu: penggunaan kecerdasan bua-

tan (AI), inovasi tempatan, bakat berkemahiran dan pekerjaan bernilai lebih tinggi,” katanya dalam ucapan pada majlis pelancaran Data Centre Nexus (DCN) 2026.

Teks ucapan beliau dibaca oleh Timbalan Menteri, Sim Tze Tzin.

Johari berkata kerajaan telah memperkukuh peranan DCTF, dipengerusikan bersama oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Kementerian Digital, sebagai platform penting untuk memudahkan pendekatan yang lebih bersepadu terhadap industri berkenaan.

Beliau berkata Malaysia sedang menetapkan piawaian yang jelas bagi kecekapan penggunaan tenaga dan air, malah melangkah lebih jauh berbanding banyak negara lain di rantau ini dengan menetapkan penanda aras bagi kecekapan penggunaan karbon.

- BERNAMA